



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

**Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013**

VISUAL MEMUKAU LAMPU2024 TERIMA SENTUHAN PEREKA TEMPATAN DAN ANTARABANGSA

PUTRAJAYA, 27 Disember 2024 – Festival Light and Motion Putrajaya (LAMPU2024) membuka tirai penganjuran bermula hari ini hingga 31 Disember 2024, jam 7.00 malam hingga 12.00 tengah malam, bertempat di Dataran Putrajaya, Presint 3. Majlis perasmian festival ini dihadiri oleh YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) bersama-sama ribuan pengunjung yang membanjiri hari pertama penganjuran.

LAMPU2024 kembali dengan konsep futuristik untuk edisi ke-8, selepas berehat selama lima tahun sejak penganjuran terakhirnya pada tahun 2019. Mengangkat tema "LAMPU2024 - Menerangi Masa Depan", objektif penganjuran festival ini adalah bagi mempromosikan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa melalui penganjuran festival seni cahaya dan teknologi yang unik serta meningkatkan keupayaan Putrajaya sebagai bandar pintar melalui penggunaan teknologi canggih dalam penganjuran acara berskala besar. LAMPU2024 turut dijadikan medan bagi menonjolkan Pelan Induk Pencahayaan Putrajaya dengan memanfaatkan seni bina ikonik bangunan di Putrajaya. Penganjuran festival ini juga sekali gus dapat menyumbang kepada ekonomi tempatan dengan menyediakan platform kepada peniaga makanan, trak makanan dan pempamer untuk mempromosikan produk mereka.

LAMPU2024 meneruskan legasi dengan mengetengahkan persembahan Pemetaan Cahaya Mega (*Grand Projection Mapping*) ke fasad Bangunan Istana Kehakiman, yang menggunakan 16 projektor berbanding 12 projektor sebelum ini, bagi menghasilkan kualiti visual dan teknologi pemetaan yang lebih canggih. Sebanyak lima (5) segmen pemetaan cahaya akan dipersembahkan setiap malam, dengan setiap segmen berdurasi 30 minit. Istimewa bagi edisi kali ini, reka bentuk visual telah

mendapat sentuhan pereka dari Itali iaitu Michele Pusceddu dan Antaless Visual Design, selain rekaan anak tempatan yang setanding kualiti persembahannya.

Selain itu, aktiviti yang dijangka menarik perhatian pengunjung adalah perarakan kereta berhias yang merupakan komponen persembahan baharu untuk tahun ini dan LAMPU2024 Gaming Fest yang diadakan khas bagi peminat e-sukan dan permainan konsol. LAMPU2024 Gaming Fest dibawakan secara kerjasama antara PPj dan Gamesbond serta penganjur bersama iaitu Persatuan Sukan Elektronik Kuala Lumpur dan Genysis Events Interactive. Aktiviti ini turut disokong oleh TODAK, IQOO, Armageddon dan Predator bagi menambahkan keterujaan pengunjung.

PPj turut mendapat kerjasama daripada rakan strategik bagi penganjuran kali ini iaitu Putrajaya Holdings Sdn Bhd (PjH), Turbine Technique (M) Sdn. Bhd., Acuan Unggul Sdn. Bhd., Balcon Enterprise, Bless Coating & Paints Sdn. Bhd., KCC Paints Sdn. Bhd., Urban Scale Sdn. Bhd., 3F Resources Sdn. Bhd. dan Tryke.

PPj mengenakan caj minima bagi tiket masuk LAMPU2024 berharga RM5 untuk dewasa/warga emas dan RM2 untuk kanak-kanak (7-12 tahun), manakala kanak-kanak berumur bawah 7 tahun dan OKU adalah percuma. Selain tiket masuk, komponen berbayar yang lain adalah LAMPU2024 Gaming Fest dengan harga RM5 dewasa dan percuma untuk kanak-kanak. Turut dijual tiket masuk secara kombo (LAMPU 2024 + Gaming Fest) dengan harga RM8 sahaja bagi dewasa.

Untuk kemudahan pengunjung, sebanyak 5,000 petak parkir disediakan di sekitar tapak festival, perkhidmatan bas ulang-alik secara percuma dari tiga lokasi dan teksi air untuk akses lebih mudah. Pengunjung juga boleh menikmati pelbagai juadah di Putra Feast dengan pilihan 60 gerai peniaga dan 20 trak makanan.

S/P

(SITI FADILAH BINTI RAMLI)
Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya
Tarikh: 27 Disember 2024



Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Asmawi bin Ahmad di talian 012-6155516 atau Puan Haryani binti Kaulan di talian 019-3831564.